

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM MENTERI
KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD [PASIR PUTEH]
TARIKH : 7 APRIL 2015
SOALAN :**

YB Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah perkhidmatan pakar di Hospital Daerah Pasir Puteh akan ditingkatkan. Bilakah perkhidmatan unit dialisis akan ditambah.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh merupakan Hospital Tanpa Pakar yang mempunyai 75 buah katil. Bagi memastikan perkhidmatan kepakaran dapat disediakan di hospital ini, kerjasama *networking* di antara Hospital Negeri iaitu Hospital Raja Perempuan Zainab II dan Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) digalakkan, di mana pakar-pakar akan memberi perkhidmatan kepada pesakit secara berjadual dan berkala. Pada masa ini, perkhidmatan kepakaran yang disediakan secara berkala oleh *Visiting Specialist* adalah termasuk Perubatan Am, Pembedahan Am, Pediatrik, Psikiatri, Obstetrik & Ginekologi, Otorinolaringologi (ENT), Oftalmologi, Ortopedik, Urologi, Nefrologi,

Dermatologi, Pembedahan Pediatrik, Breast Endokrin, Pembedahan Plastik, Respiratori dan Radiologi. Keperluan untuk menaiktaraf hospital ini kepada Hospital Berpakar adalah bergantung kepada keupayaan Kerajaan untuk menyediakan prasarana infrastruktur dan bilangan pakar. Kementerian sentiasa mengkaji keperluan perkhidmatan kepakaran secara menyeluruh di Malaysia amnya dan di Negeri Kelantan khususnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang prihatin dengan keperluan pesakit buah pinggang dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan bagi rawatan dialisis di fasiliti KKM yang sedia ada. Walau bagaimanapun, ini hanya akan dapat dilakukan secara berkala.

Pada masa ini, unit hemodialisis di Hospital Tengku Anis Pasir Putih mempunyai 13 buah mesin hemodialisis dan 55 orang pesakit menjalani rawatan hemodialisis. Unit tersebut masih mempunyai kapasiti untuk pemasangan 3 buah mesin hemodialisis baru kerana terdapat 3 lagi *point* yang kosong untuk mesin hemodialisis.

Di bawah Bajet 2015, Kerajaan telah meluluskan mesin hemodialisis baru bagi fasiliti Kementerian Kesihatan dan Hospital Pasir Putih dijangka akan mendapat 4 buah mesin hemodialisis yang baru, di mana 3 buah akan mengisi kekosongan *point*.

Di samping itu, memandangkan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara semakin meningkat, KKM sedang memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal*

Dialysis (CAPD) di kalangan pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir. Kaedah rawatan ini adalah berbeza daripada rawatan hemodialisis kerana rawatan CAPD dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri. Kaedah ini akan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis untuk pesakit baru kegagalan ginjal peringkat akhir yang memerlukan rawatan dialisis.